

R 0254 DEB
MAHKAMAH-FEER

I

KUALA LUMPUR, 17 MEI (BERNAMA) -- MAHKAMAH AGONG DI SINI HARI INI MENOLAK RAYUAN MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW DAN EDITORNYA TERHADAP KEPUTUSAN TIDAK MEMBENARKAN PERMOHONAN MEREKA UNTUK MEMASUKKAN NAMA MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA DALAM SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN TERHADAP MEREKA OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KETUA HAKIM MALAYA TAN SRI HASHIM YEOP SANI YANG BERSIDANG DENGAN HAKIM-HAKIM MAHKAMAH AGONG DATUK MOHAMED YUSOFF MOHAMED DAN DATUK GUNN CHIT TUAN MEMBUAT PERINTAH ITU SELEPAS PEGUAM ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH MEMBERITAHU MAHKAMAH BAHAWA PELANGGANNYA TELAH MENGARAHKANNYA UNTUK MENARIK RAYUAN ITU.

MAHKAMAH TINGGI MENOLAK PERMOHONAN MAJALAH DAN EDITORNYA DEREK DAVIES UNTUK MEMASUKKAN MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA PADA 8 APRIL TAHUN LEPAS.

IA MEMUTUSKAN KEMUDIAN BAHAWA PERMOHONAN KEDUA-DUANYA JELAS PERCUBAAN UNTUK MEMALUKAN PERDANA MENTERI DAN PREJUDIS PERBICARAAN SAMAN ITU, ADALAH DISALAH FAHAMKAN DAN PENYALAHGUNAAN PROSES MAHKAMAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMAN MAJALAH ITU DAN ENCIK DAVIES BERHUBUNG DENGAN ARTIKEL MENGENAI LIMBANG YANG DISIARKAN DALAM KELUARAN 21 MEI 1987.

-- LAGI

0027MST 18 05 89

R B256 DEB
MAHKAMAH-FEER 2 KUALA LUMPUR

ARTIKEL, ITU DI BAWAH TAJUK +SARAWAK AKAN DIJUAL?+ MENDAKWA DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN JUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM DENGAN HARGA PENDAHULUAN US\$6 BILLION (KIRA-KIRA M\$17 BILLION) SEMASA LAWATANNYA KE NEGARA ITU PADA MAC, 1987.

PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN T.SELVENTHIRANATHAN MEWAKILI PERDANA MENTERI.

-- BERNAMA

0030MST 18 05 89